

SYAIKH AHMAD KHATIB AL-MINANGKABAWI: CAHAYA NUSANTARA DI HARAMAIN. Oleh Amirul Ulum. 2021. Global Press. Halaman 175. ISBN 978-602-61077-8-7

Buku Syaikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi: Cahaya Nusantara di Haramain yang berhalaman 175 muka surat bercetak ini dikarang oleh Amirul Ulam dan diterbitkan oleh CV. Global Press, Yogyakarta, Indonesia. Buku ini membicarakan biografi seorang tokoh ulama Nusantara yang hebat iaitu Syaikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi. Dikatakan kedudukan dan keilmuannya setanding dengan tokoh-tokoh ulama dunia. Pengarang telah membahagikan buku ini kepada lima bab dan memulakannya dengan prolog dan diakhiri dengan epilog.

Amirul Ulum memulakan bukunya dengan membawa pembaca kepada sejarah awal penyebaran Islam di bumi Indonesia umumnya dan di Minangkabau khususnya. Hubungan Nusantara dan Timur Tengah telah terjalin sejak dahulu lagi, khususnya menerusi perdagangan. Nusantara dengan rempah-rempah dan hasil alamnya menjadi daya tarikan kepada pedagang luar untuk datang. Ini membawa kepada tersebarnya Islam apabila pedagang Muslim dari Arab menyebarkannya melalui jalur perdagangan. Masyarakat setempat yang tertarik dengan akhlak yang terpancar daripada pedagang-pedagang Muslim ini mula berkeinginan untuk menjadikan mereka sebahagian daripada keluarga. Justeru terdapat pedagang-pedagang yang berkahwin dengan gadis-gadis tempatan dari keluarga yang berpengaruh. Maka bermulalah ajaran Islam ditanamkan sedikit demi sedikit, yang kemudiannya Islam mendarah daging dalam masyarakat setempat dan tertanam kukuh dalam kehidupan mereka. Lama kelamaan minoriti umat Islam menjadi kuat sehingga terbentuklah sebuah kerajaan yang diterajui oleh seorang sultan.

Pada bab satu, pembaca didedahkan dengan sejarah asal usul Minangkabau. Ini kerana Syaikh Ahmad Khatib berasal daripada Minangkabau. Di awal-awal bab, pengarang cuba membetulkan persepsi bahawa masyarakat Minangkabau yang diketahui umum terkenal dengan adat-adatnya itu dikatakan tidak berteraskan kepada Islam. Beliau nukilkan kata-kata Syaikh Sulaiman Ar-Rasuli:

“Adat yang sebenar adat di Minangkabau tidak ada yang bertentangan dengan agama Islam. Bahkan adat yang sebenar adat adalah pelaksanaan dari ajaran Islam, sesuai dengan falsafah adat Minangkabau: Adat Basandi Syarak, Syarak Basandi Kitabullah, Syarak mangato adat memakai.”

Minangkabau didefinisikan oleh A.A.Navis sebagai etnik dari satu rumpun Melayu yang tumbuh dan berkembang kerana sistem monarki serta menganut sistem adat yang dicirikan dengan sistem kekeluargaan melalui jalur perempuan atau *matrilineal*. Nama Minangkabau menurut Syaikh Ahmad Khatib memberi maksud *ghalabat al-jamus* (kerbau yang menang). Menurutnyanya lagi, orang Minangkabau mempunyai kebiasaan mengadu kekuatan kerbau pada hari-hari tertentu. Maka telah datang seorang raja (Majapahit) membawa kerbau yang besar untuk diadakan dengan kerbau yang kecil milik negeri Minang. Namun kerbau milik negeri Minang dapat mengalahkan kerbau milik raja dari Majapahit. Lalu bersoraklah rakyat Pagaruyung (ibu kota negeri Minang): “Manang Kabau! Manang Kabau!” yang memberi maksud menang kerbau. Lama-kelamaan kata ini menjadi Minangkabau.

Selain itu, pengarang juga menyentuh secara ringkas kerajaan Minangkabau bermula kewujudannya sehinggalah kejatuhan kesultanan Minangkabau kerana dipecah belahkan dengan cara *divide at impera* (pecah dan berkuasa) oleh kompeni Belanda yang menjajah

Indonesia. Juga didedahkan perihal adat di Minangkabau yang mana ketika raja Minangkabau masih beragama Hindu dan Budha, rakyat Minangkabau sudah menyusun adat dengan sendirinya. Susunan adat dan pemerintahan terdiri dari dua macam, iaitu Koto Piliang dan Budi Caniago. Setiap masyarakatnya mengatur adatnya masing-masing setelah melalui kesepakatan bersama oleh para tokoh masyarakat setempat. Ada pun raja hanyalah lambang sahaja yang akan menyetujui apa yang sudah ditetapkan oleh kepala suku. Apabila Islam datang, adat-adat yang mengandungi perkara-perkara syirik digantikan dengan amalan-amalan yang mengandungi ajaran Islam seperti kenduri tahlil yang asalnya sesaji yang digunakan untuk memuja roh halus atau dewa yang berada di pohon besar dan bacaan yang mengandungi unsur kesyirikan digantikan dengan kalimah *al-thayyibah*. Para ulama berperanan memperkuat adat-adat tersebut, contohnya hukum harta pusaka ditunjangkan dengan hukum syarak.

Di dalam bab dua, pengarang memfokuskan kepada Perang Paderi (1821-1837M) yang telah berlaku di Minangkabau. Perang ini disebabkan oleh tiga faktor utama iaitu agama, adat dan kompeni (penjajah Belanda). Pada mulanya peperangan ini terjadi disebabkan perselisihan antara tokoh agama dan tokoh adat. Namun akhirnya kedua-dua pihak sedar bahawa mereka sebenarnya diadu domba oleh penjajah Belanda. Mereka tidak perlu menghabiskan senjata dan tenaga. Hanya menonton dari jauh persengketaan yang menyebabkan darah umat Islam Minangkabau mengalir disebabkan pedang orang Islam sendiri. Dikatakan bahawa ia bermula daripada tiga orang ulama yang belajar di Masjidul Haram iaitu Haji Miskin dari Pandai Singkat (Luhak Agam), Haji Muhammad Arif dari Sumanik (Luhak Tanah Datar) dan Haji Abdurrahman dari Plambang (Luhak Lima Puluh). Ketiga-tiga ulama ini sangat prihatin dengan perubahan yang berlaku di Minangkabau. Mereka ingin mengajak supaya rakyat Minangkabau kembali kepada hukum asal Islam iaitu al-Quran dan Hadis. Menurut Hamka, ketiga-tiga tokoh ulama ini terkesan dengan dakwah Muhammad bin Abdul Wahhab sehingga mereka ingin meniru jejaknya. Lalu pengarang menelusuri jejak sejarah Muhammad bin Abdul Wahab dengan merujuk kepada karya Syeikh Ahmad Zaini Dahlan iaitu *al-Durar al-Saniyyah fi Raddi al-Wahhabiyah* dan karya Syeikh Faqih Maskumambang iaitu *al-Nushushu al-Islamiyah fi Raddi 'ala Madzhabi al-Wahhabiyah*.

Metodologi dakwah yang tegas dan keras telah membawa kepada pertembungan antara tokoh agama dan tokoh adat. Kelemahan dan situasi tersepit yang dihadapi oleh tokoh-tokoh adat menyebabkan mereka meminta bantuan daripada kompeni yang berada di Padang. Kesempatan ini tidak disia-siakan oleh kompeni yang sudah sekian lama menunggu peluang keemasan tersebut. Kompeni telah meletakkan syarat kepada Raja Alam Muningsyah, tokoh adat yang memohon pertolongan kompeni bahawa jika mereka dapat memadamkan pemberontakan dari Kaum Paderi (tokoh agama), sebahagian kekuasaan Minangkabau harus diberikan kepada mereka. Persetujuan terhadap syarat yang ditetapkan itu menjadi titik tolak kepada kejatuhan kerajaan Minangkabau. Kelicikan Belanda dalam menguasai Minangkabau dapat dilihat apabila mereka mewar-warkan bahawa yang ditentang itu adalah pemberontak. Bahkan diberitakan bahawa di Minangkabau ada aliran sesat yang perlu ditumpaskan. Natijahnya, kumpulan tokoh agama ini tidak mendapat bantuan dan perhatian dari umat Islam di luar Minangkabau. Manakala kompeni mendapat apa yang mereka cita-citakan. Beberapa daerah penting seperti Nagari Gunung, Koto Lawas dan Pandai Singkat dikuasai oleh mereka. Beberapa pemimpin perang dapat ditangkap oleh kompeni, dan yang dianggap merbahaya telah dibunuh. Sebanyak 13 orang tokoh penting telah dihukum gantung di Padang Singkat, di antaranya ialah Tuanku Nan Tuo Mansiangan dan Tuanku Nan Gapuk.

Perang ini juga tidak dapat dipisahkan daripada tokoh yang cukup hebat iaitu Tuanku Imam Bonjol. Oleh kerana kedalaman ilmu dan jiwa kepimpinan yang ada dalam dirinya, Kaum Paderi membaiahnya sebagai imam perang untuk mengusir penjajah. Kekuatan pasukan Minangkabau tidak mampu diganggu-gugat oleh Belanda. Lantas mereka mengubah strategi dengan menggunakan jalan perdamaian. Belanda telah melantik Sayyid Sulaiman al-Jufri, yang berketurunan Rasulullah s.a.w. menjadi pendamai antara mereka dan Imam Bonjol. Gencatan senjata dipersetujui dan ini menguntungkan pihak Belanda. Pasukan Kaum Paderi makin lemah dan akhirnya ditewaskan oleh mereka. Dan banyak lagi kelicikan tipu daya dan kejahatan Belanda untuk menguasai bumi umat Islam didedahkan oleh pengarang buku ini. Seharusnya umat Islam hari ini mengambil pengajaran dan pengiktibaran daripada sejarah yang telah berlaku kerana ia mungkin berulang kembali.

Kejatuhan Minangkabau tidak menghentikan dakwah Islam. Ulama-ulama Minangkabau tetap meneruskan perjuangan untuk membangunkan manusia dengan membina keintelektualan mereka. Namun demikian, proses pembangunan intelektual tersebut, iaitu menerusi penyampaian ilmu adakalanya diganggu oleh kompeni. Oleh itu sebahagian umat Islam Minangkabau mengembara ke Haramain untuk memantapkan kefahaman agama, sehingga kelak dijadikan sebagai bekalan untuk melawan penjajah yang menjajah tanahair mereka. Ulama Minangkabau yang belajar di Haramain, ada sebahagiannya yang kembali ke tanahair dan ada sebahagiannya menetap di Haramain. Di antara ulama yang kembali ke tanahair ialah Syeikh Karim Amrullah, Syeikh Sulaiman Arrasuli, Syeikh Daud Rasyidi, Syeikh Muhammad Saad Mungka, Syeikh Abdullah Ahmad dan Syeikh Ibrahim bin Musa. Manakala yang menetap di sana sebagai pengabdikan ilmu di antaranya ialah Syeikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi, Syeikh Ahmad Dur Dum al-Fadani dan Syeikh Yasin bin Isa al-Fadani.

Setelah menjelaskan latar belakang Minangkabau sebagai tempat kelahiran tokoh tersebut, pada bab seterusnya pengarang mengajak pembaca untuk mengenali siapakah Syeikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi. Merujuk kepada buku *Siyar wa Tarajim*, pengarang menukilkan bahawa Syeikh Ahmad Khatib adalah berasal daripada keturunan Syeikh Abdullah, iaitu seorang ulama Hijaz yang berhijrah ke Koto Karang. Di sana, beliau telah dilantik menjadi imam dan khatib. Dari gelaran inilah ia diberi gelaran Khatib Nagari. Gelaran ini telah diwarisi oleh keturunannya (seperti Syeikh Abdul Lathif Khatib al-Minangkabawi, ayah kepada Syeikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi). Pengarang berpandangan bahawa Syeikh Abdullah bin Abdul Aziz al-Minangkabawi mempunyai isteri daripada keturunan bangsawan Minangkabau dan dalam masa yang sama mungkin juga mempunyai isteri di Haramain, sebelum ia berhijrah ke Nusantara. Telah berlaku kekhilafan pandangan tentang keturunan Syeikh Abdullah, iaitu versi daripada Syeikh Umar Abdul Jabbar dan versi daripada Hamka. Dari jalur ayahnya, beliau masih berketurunan ulama dari Haramain, iaitu Syeikh Abdullah Khatib al-Minangkabawi. Dan dari Syeikh Abdullah, lahir bapanya Syeikh Abdul Latif. Manakala dari jalur ibunya, Limbak Urai masih ada hubungan darah salah seorang ulama yang disegani.

Syeikh Ahmad Khatib dilahirkan pada hari Isnin 6 Zulhijjah 1276 H bersamaan 25 Jun 1860 di Kota Tuo Balai Gurah Luhak Agam. Beliau adalah anak sulung daripada lima orang adik beradik. Saudara-saudaranya ialah Mahmud, Aisyah, Hafshah dan Shafiyah. Selain saudara kandung, beliau juga mempunyai beberapa orang saudara tiri, kerana ayahnya mempunyai isteri lebih daripada satu. Beliau menerima pendidikan awal daripada keluarga sendiri, khususnya datuk dan ayahnya. Di antara ilmu yang dipelajarinya ialah belajar membaca al-Quran serta dasar-dasar ilmu Islam seperti tauhid, tatabahasa Arab, fiqah, hadis dan tafsir. Ketokohnya sebagai seorang ulama dapat dilihat sejak kecil lagi. Ia berbeza dengan

kebanyakan kawan-kawannya. Berkat kegigihannya, beliau berjaya menghafal al-Quran. Ketika berusia sebelas tahun, beliau serta ayah, datuk dan bapa saudaranya telah pergi menunaikan haji. Selesai menunaikan haji, Syeikh Ahmad Khatib tinggal di sana dan mulai aktif belajar di *maktab* (sekolah tidak formal). Seterusnya beliau juga belajar di Masjidil Haram dengan menghadiri halakah Sayyid Umar Syatha, Sayyid Abu Bakar Syatha dan Sayyid Uthman Syatha. Di antara disiplin ilmu yang diajarkan di Masjidil Haram ketika itu ialah Tauhid, Tafsir, Hadis, Fiqah, Usul al-Fiqah, Usul al-Hadith, Nahwu, Shorof, *Ma'ani*, *Bayan*, *Badi'*, Mantik, Tarikh, *Siyar* dan ilmu *Riyadiyyah* (Matematik). Menurut sumber yang diambil oleh pengarang (dari buku karangan Syeikh Umar Abdul Jabbar), Syeikh Ahmad Khatib tidak belajar kecuali kepada tiga orang ulama tersebut sahaja. Setelah lima tahun di Haramain, beliau kembali ke tanahairnya untuk bertemu kedua ibubapanya. Kecintaannya kepada ilmu membuatkan beliau ingin kembali ke Haramain, namun pada awalnya tidak kesampaian. Bagi mengisi waktu luangnya, beliau belajar dengan ulama Minangkabau setempat seperti Syeikh al-Fata (Tuanku Mudo).

Selang beberapa masa, hajat Syeikh Ahmad Khatib dimakbulkan Allah s.w.t. Melalui bantuan gurunya Syeikh Uthman Syatha, yang kebetulan datang menziarahinya, akhirnya keluarga beliau membenarkannya untuk menyambung pengajian di Haramain. Pemergian yang kedua kali ini digunakan dengan sebaiknya untuk mendalami ilmu-ilmu yang telah dipelajari dan ilmu-ilmu yang lain seperti *al-Jabar*, *Muqbalah*, *Handasah*, *Hai'ah*, *Miqat* dan bahasa Inggeris. Semua disiplin ilmu tersebut dikuasainya dengan baik. Pengarang buku ini juga menyentuh berkenaan perkahwinan Syeikh Ahmad Khatib dengan Khadijah (anak perempuan Syeikh Shaleh al-Kurdi) yang berhadapan dengan ujian dan cabarannya yang tersendiri. Pernikahannya dengan Khadijah dikurniakan beberapa orang anak, antaranya ialah Abdullah dan Abdul Karim. Namun perkahwinannya tidak lama, apabila isterinya meninggal dunia. Setelah itu beliau mengahwini Fatimah, yang merupakan kakak kepada Khadijah dan dikurniakan dengan dua orang anak, iaitu Abdul Malik dan Abdul Hamid.

Dalam masa yang sama, dijelaskan juga di dalam buku ini cabaran yang dihadapi oleh Syeikh Ahmad Khatib sepanjang menjadi tenaga pengajar, imam dan khatib di Masjidil Haram. Realitinya orang-orang daripada Nusantara dipandang rendah oleh orang Arab pada ketika itu. Apatah lagi apabila mereka mendapat posisi yang penting di Masjidil Haram. Timbullah kedengkian terhadap kelebihan yang dimiliki oleh ulama Nusantara sama ada dari sudut keilmuan mahupun kedudukan. Oleh kerana keilmuannya yang cukup hebat, beliau telah diizinkan oleh penguasa Haramain untuk menjadi tenaga pengajar di Haramain. Beliau mengajar di *Bab al-Ziyadah* dan majlisnya dihadiri oleh pelajar-pelajar dari seluruh pelosok dunia. Kebanyakan muridnya menjadi ulama besar seperti H. Abdul Karim Amarullah (ayah kepada Hamka dari Maninjau – Agam), Abdullah Ahmad (Padang), Syeikh Muhammad Jamil Jambek al-Falaki (Bukit Tinggi), Syeikh Muhammad Thaib Umar (Sungayang – Tanah Datar), Syeikh Khatib Muhammad Ali al-Fadani (Padang), Syeikh Muhammad Dalil bin Muhammad Fatawi (Bayang – Pesisir Selatan) dan ramai lagi.

Di akhir bab ini dinyatakan butiran kematian Syeikh Ahmad Khatib. Keinginan untuk mati di Makkah pernah disuarakan oleh beliau kepada anak muridnya, Syeikh Karim Amrullah. Beliau meninggal pada pukul sembilan malam, hari Isnin 9 Jumadil Awal 1334 H bersamaan 13 Mac 1916 dan dikebumikan di *Syu'bah al-Nur* (bukit al-Nur). Manakala pada bab yang keempat, pengarang buku ini membicarakan tentang nasihat dan karya Syeikh Ahmad Khatib. Menurut apa yang dinukilkan daripada buku Syeikh Umar Abdul Jabbar, Syeikh Ahmad mempunyai 45 karya dalam pelbagai disiplin ilmu. Ia sering diminta untuk menulis buku-buku yang nantinya

akan dijadikan hujah atau rujukan oleh pelajar-pelajarnya, khususnya yang berada di Nusantara untuk menjawab pelbagai masalah seperti permasalahan warisan *matrilineal*, keraguan yang dilontarkan oleh pihak Kristian bahawa agama Kristian adalah sama dengan agama Islam dan ketidakfahaman tentang masalah tarekat. Sebelum Syeikh Ahmad meninggal, beliau sempat menukilkan sejarah hidupnya untuk dijadikan rujukan kepada generasi setelahnya. Apa yang menarik pada bab ini, pengarang mendatangkan justifikasi kenapa sesebuah buku itu dikarang oleh Syeikh Ahmad Khatib. Contohnya ketika menyatakan salah sebuah kitab yang dikarang oleh tokoh tersebut, iaitu kitab *al-Nafahaat Hasyiyat al-Waraqat* beliau menyatakan bahawa kitab tersebut dikarang kerana ketika Syeikh Ahmad mengajar di Masjidil Haram, ia belum menemukan *hasyiyah* yang bagus yang dapat menjelaskan hal-hal yang rumit dan sulit yang terdapat dalam kitab *al-Waraqat*.

Syeikh Ahmad Khatib terkenal sebagai seorang ulama yang sangat kritis jika dihadapkan dengan sesebuah permasalahan, khususnya masalah yang berkaitan dengan agama. Jika beliau tidak sependapat dengan satu-satu pendapat, beliau akan menyanggahnya dengan sebuah karya. Jika disanggah lagi, maka akan ditanggapi lagi sehingga terurai dan menemukan jawapan serta kedua pihak saling berpuas hati. Justeru pada bab yang kelima, pengarang mengutarakan polemik-polemik yang dihadapi oleh Syeikh Ahmad Khatib dengan beberapa orang tokoh ulama. Di antara ulama yang pernah berpolemik dengan beliau ialah Sayyid Uthman bin Aqil al-Batawi, Syeikh Mukhtar bin 'Atharid al-Bughuri, Sayyid Ahmad Husein, Syeikh Abdullah Zawawi (Mufti Syafieyyah), Kiai Hasyim Asy'ari, Kiai Asnawi Kudus dan Syeikh Sa'ad Mungka.

Di akhir buku ini, iaitu pada epilognya pengarang sekali lagi menekan tentang pengorbanan penuntut-penuntut ilmu dari Nusantara yang sanggup bermusafir untuk menuntut ilmu di Haramain serta pelbagai kesulitan yang terpaksa diharungi dalam perjuangan tersebut. Kesungguhan dan pengorbanan itu membuahkan hasil yang amat lumayan, yang akhirnya muncul tokoh-tokoh ulama Nusantara yang setanding dengan ulama-ulama Haramain. Lalu mereka curahkan bakti kepada generasi kemudian yang datang belajar di Haramain dan karya-karya mereka memberi manfaat khususnya kepada masyarakat yang berada di tanahair mereka. Pengarang buku ini telah berjaya memperkenalkan dan menonjolkan salah seorang tokoh ulama Nusantara yang kian dilupai, bahkan tidak dikenali oleh generasi kini. Liku-liku perjalanan kehidupan Syeikh Ahmad Khatib khususnya dalam menuntut dan menyampaikan ilmu seharusnya dijadikan pedoman buat penuntut-penuntut ilmu di zaman ini. Sememangnya membaca buku ini amat berbaloi untuk menyuntik semangat pembaca dalam pelbagai sudut. Lantaran itu sering kali kedengaran saranan alim ulama agar membaca buku-buku yang bergenrekan biografi tokoh-tokoh. Dan tepat sekali apa yang diungkapkan oleh Syeikh Ahmad Khatib:

“Di antara tradisi ulama-ulama soleh adalah menceritakan sejarah hidup mereka, agar orang-orang yang ada sesudah mereka akan mengenalnya dan mereka menceritakan pula beberapa nikmat yang diperolehinya supaya orang-orang yang belakangan tersebut dapat mencontoh dan mentauladani mereka, yang mereka yakini sebagai nikmat terbesar dari Allah subhanahuwata'ala.”

Abdul Mukti Baharudin

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor